

08 SEP 1999

UKM-Teknologi

USAT TEKNOLOGI PINTAR UKM-MTDC RINTIS KERJASAMA STRATEGIK

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok dijangka dapat mempergiatkan lagi pemindahan teknologi dari universiti ke industri terutamanya dalam bidang bioteknologi.

Pengarah Biro Rundingan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Dr Marzuki Mustafa berkata melalui pusat yang dibangunkan atas usahasama UKM dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTD) itu, penyelidikan dalam sektor pembangunan dan pembuatan dapat dimajukan hingga ke peringkat reka bentuk produk dan pasaran.

Untuk permulaan, selain menumpukan penyelidikan dalam bidang bioteknologi, bidang-bidang lain seperti kejuruteraan, teleperubatan dan multimedia juga boleh dilakukan di pusat itu, katanya dalam edisi khas majalah universiti, Senada.

Beliau berkata pusat teknologi itu mampu menarik syarikat-syarikat bioteknologi tempatan dan luar negara khususnya mereka yang terlibat dalam program peningkatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, Pusat yang terletak di kawasan seluas 2.4 hektar di UKM itu menyediakan ruang dan infrastruktur yang bersesuaian bagi tujuan inkubasi teknologi dalam bidang bioteknologi dan bidang lain berkaitan dengan konsep teknologi kluster.

Dr Marzuki berkata pusat teknologi itu juga menyediakan khidmat perundingan dalam bidang bioteknologi dan bidang pembangunan teknologi lain meliputi bidang perniagaan, pengurusan dan teknikal.

Ia juga menyediakan antara lain, perkhidmatan dan peralatan ruang pejabat, jaringan maklumat, peralatan makmal, kemudahan mepakej teknologi ke pasaran, membantu mendapatkan pengiktirafan teknikal dan standard serta mendapatkan geran dan pinjaman.

Beliau berkata ia turut menyediakan pangkalan data yang bersifat sejagat bagi membantu penyewa mendapatkan maklumat mengenai perundingan, perkhidmatan dan peralatan yang disediakan.

Sebuah akademi Bioteknologi UKM-MTDC juga akan ditubuhkan di pusat teknologi itu yang bertujuan membantu dan menyokong hasrat negara melaksanakan sumbangan bioteknologi dalam Pelan Induk Kedua Malaysia (IMP2) (1995-2005), katanya.

"Saya berharap kakitangan akademik UKM dan para penyelidik dapat mengambil peluang ini secara maksimum memandangkan pusat ini dibina di kawasan UKM," katanya.

Pada majlis perasmian pusat itu esok, Perdana Menteri akan turut menyaksikan lapan perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara UKM dengan syarikat-syarikat swasta bagi projek perundingan penyelidikan pelbagai bidang.

Antara syarikat itu ialah MTDC bagi kontrak kerjasama mengurus dan menyelaras pusat berkenaan, Digital Technologies Sdn Bhd bagi kontrak perundingan penyelidikan projek Multimedia-Sekolah Bestari dan Laxana Corporation (M) Sdn Bhd bagi projek Cilibangi.

Perjanjian juga akan ditandatangani dengan Interactive Channels Sdn Bhd bagi kontrak "Internet Based Research and Thesis Databank Application" dan Harta Semarak Sdn Bhd bagi kontrak pengembangan dan pengkomersialan teknologi baru bagi rawatan air minuman dan air kumbahan.

-- BERNAMA

NZ NMO

